

# ‘Tindakan bersepadu tahan warga asing perlu babit PBT’

Dapatan operasi penting bantu pihak berkuasa rencana tindakan lebih efektif

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Operasi mengempur koloni warga asing sekitar ibu negara dan membanteras kebanjiran kumpulan pendatang yang masuk secara haram perlu digerakkan secara bersepadu membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi penguatkuasaan berkaitan.

Menegaskan demikian, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, mengakui sebelum ini memang ada operasi dijalankan secara bersendirian oleh agensi tertentu, terutama tanpa membabitkan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) selaku PBT di ibu kota.

Ketika lain, katanya, DBKL juga mengadakan operasi secara bersendirian bagi membanteras kebanjiran warga asing di Kuala Lumpur, namun wujud kekangan kerana penguat kuasa PBT tiada kuasa menangkap warga asing.

Justeru, katanya, operasi bersepadu dengan pembabitkan PBT bersama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen dan polis adalah wajar.

“Operasi terhadap warga asing kena bersepadu. Ketika operasi ‘Mini Dhaka’ Disember tahun lalu, tindakan ketika itu dibuat PDRM, PGA (Pasukan Gerakan Am), mereka sahaja. Tak boleh macam ini, tetapi selepas itu barulah (ada pembabitkan) DBKL (untuk) ambil tindakan (dalam operasi).

“Kena ada pemegang taruh, khususnya DBKL. DBKL kena terbabit dalam benda (operasi) macam ini. Saya ada hubungi PGA untuk bagi taklimat, mereka terbuka dan datang taklimat. Saya nak perinci (operasi),

apa yang mereka buat penting untuk pihak saya ambil tindakan seterusnya.

“Contoh perincian, apa yang saya nak adalah berapa ramai (warga asing) ditahan dan berapa ramai peniaga tanpa lesen, mereka itu siapa? Akhirnya rumusan ditangkap dalam operasi itu, sama ada mereka yang duduk lebih masa, tiada dokumen?

“Rupanya yang ditangkap di situ 10 peratus tiada dokumen. Maksudnya apa? Baki (warga asing) datang situ untuk bergembira, jumpa kawan senegara dan selepas makan dan balik. Itu yang mereka lakukan,” katanya kepada *BH*.

Dr Zaliha berkata, dapatan operasi yang mengandungi maklumat terperinci sangat mustahak supaya pihak berkuasa boleh merencana tindakan selanjutnya yang lebih efektif untuk membanteras isu kebanjiran warga asing di ibu kota.

Dengan maklumat terperinci, beliau percaya tindakan dari segi operasi dapat dijalankan dengan adil dan sebaik mungkin.

“Adalah adil untuk kita ambil tindakan macam itu terhadap mereka atau kita kena ambil tindakan lain? Saya fikir maklumat itu penting supaya kita boleh ambil tindakan tepat. Suatu hari nanti, kita kena ambil tindakan adil terhadap mereka,” katanya.

Tindakan terhadap warga asing tanpa dokumen pula, katanya, bukan di bawah kuasa DBKL, sebaliknya Jabatan Imigresen.

“Sangat kompleks, saya fikir tindakan bersepadu itu perlu untuk kes macam ini. Misalnya operasi gelandangan yang kita buat sebelum ini pun sama juga. Ada banyak agensi terbabit dan kita buat secara bersekali.

“Kalau kita tak buat macam itu, tak akan selesai, walaupun ada juga yang selesai. Sekurang-kurangnya boleh kurangkan,” katanya.

## Program tarik orang muda

Ditanya apa yang boleh dilakukan untuk membasmi tanggapan buruk warga kota terhadap lokaliti dibanjiri warga asing di Kuala Lumpur, Dr Zaliha meng-

“Dengan maklumat terperinci, saya percaya tindakan dari segi operasi dapat dijalankan dengan adil dan sebaik mungkin”

Dr Zaliha Mustafa,  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri  
(Wilayah  
Persekutuan)



esyorkan program yang boleh menarik orang muda berkunjung ke kawasan itu.

Beliau akui, sememangnya ramai berfikirkan kawasan dipenuhi warga asing sebagai lokaliti tidak selamat bagi mereka.

“Kita kena ada tindakan lain pula sebabnya warga kota rasa tak selamat. Bila masuk sini (Kuala Lumpur) macam ‘Mini Dhaka’, bukan Kuala Lumpur milik kita (warga tempatan). Jadi kita kena buat program lain yang boleh tarik minat orang setempat.

“Contoh saya cadangkan, mungkin boleh laksanakan program babitkan anak muda. Anjur program untuk tarik mereka datang kembali ke kawasan berkenaan. Saya fikir cara begini kita boleh buat,” katanya.